

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KESERAGAMAN (STANDARD) EKSA
JABATAN TENAGA MANUSIA**

Bil. Mesyuarat	:	2 Tahun 2022
Tarikh	:	4 Ogos 2022 (Khamis)
Masa	:	9.00 pagi – 12.30 tengah hari
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Utama tingkat 8

Hadir

- | | | |
|---|---|------------|
| 1. Hjh. Noor Lisa Rahmat | - | Pengerusi |
| 2. En. Muhammad Farhan bin Hamid | - | Setiausaha |
| 3. Tn. Hj. A. Rahmad bin Ngah | - | Ahli |
| 4. Ts. Dr. Nora binti Osman | - | Ahli |
| 5. Pn. Noor Hayati binti Halimi | - | Ahli |
| 6. En. Mohd Norisham Fadhly bin Mat Ariffen | - | Ahli |

Tidak Hadir dengan Maaf:

Tiada

I. PERUTUSAN Pengerusi

1. Kata-kata Aluan

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA yang ke-dua.

Makluman

II. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit mesyuarat Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA Bilangan 1 Tahun 2022 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

Makluman

III. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2. Perkara 5: Sudut EKSA Maya yang Standard

Mesyuarat bersetuju pengisian maklumat bagi setiap zon dan jawatankuasa pada sudut adalah seperti di Lampiran 1.

Makluman

3. Perkara 6: Format Standard Pelaporan Zon

Mesyuarat bersetuju format standard pelaporan zon adalah seperti di Lampiran 1.

Makluman

4. Perkara 7: Format Tagging Plag

Mesyuarat telah menguji secara praktikal tagging plag dengan mengguna pakai *tape* dan *cabl tie* hitam. Mesyuarat bersetuju:

- (a) tagging plag diikat dengan mengguna pakai **cabl tie** hitam; dan
- (b) saiznya perlu dibuat penambahbaikan dan diuji semula pada mesyuarat akan datang.

Tindakan: Setiausaha

5. Perkara 8: Format Standard Fail Putih (*Ring File*)

Mesyuarat telah menguji secara praktikal tagging pada fail putih 65mm, 50mm, 40mm dan 25mm. Mesyuarat bersetuju:

- (a) dengan saiz tagging pada fail saiz 65mm dan 50mm; dan
- (b) saiz tagging 40mm dan 25mm perlu dibuat penambahbaikan (termasuk *border setting*) dan diuji semula pada mesyuarat akan datang.

Tindakan: Setiausaha

6. Perkara10: Format Standard Operating Procedure (SOP)

Mesyuarat mencadangkan agar:

- (a) mengguna pakai *Standard Operating Procedure* yang mengandungi *Safety Operation Procedure* di JTM;
- (b) komponen yang perlu ada di dalam SOP adalah sebelum, semasa dan selepas menggunakan peralatan;
- (c) format ini perlu diselaraskan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JTM dan perkara ini telah dimaklumkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan EKSA JTM;

- (d) SOP peralatan ICT disediakan oleh Cawangan Teknologi Maklumat (CTM) JTM. Cadangan SOP adalah seperti **di Lampiran 2**;
- (e) cadangan ini perlu dibentangkan dalam mesyuarat Induk EKSA.

Tindakan: Pengerusi

IV. **PEMBENTANGAN CADANGAN PELAKSANAAN KESERAGAMAN EKSA**

7. Format Standard Tatacara Penggunaan

- (a) Mesyuarat mencadangkan **format tatacara penggunaan peralatan** adalah seperti **di Lampiran 1**; dan
- (b) sekiranya terdapat **beberapa peralatan di dalam kawasan tempat / bilik, tatacara berkenaan** perlu dimasukkan di dalam **clear folder** bagi mengurangkan tampalan pada dinding.

Makluman

8. Format Standard Etika

Mesyuarat bersetuju **warna kotak pada tajuk Etika Penggunaan** ruang guna sama perlu **mengikut warna zon** masing-masing.

Makluman

9. Format Standard Magazine Holder

Mesyuarat bersetuju *format standard Magazine Holder* **dihitamkan pada bulatan nombor** dan **dibuat ujian secara praktikal pada mesyuarat akan datang**.

Tindakan: Setiausaha

10. Peringatan Jaga Kebersihan di Pantri

Mesyuarat bersetuju **border** peringatan adalah mengikut warna zon seperti mana di **Lampiran 2**.

Makluman

11. Peringatan Jimat Elektrik (Matikan Suis)

Mesyuarat bersetuju **Peringatan Jimat Elektrik** adalah seperti mana di **Lampiran 2** dan ia perlu **ditampal di ATAS suis lampu**.

Makluman

12. Peringatan Jimat Air

Mesyuarat bersetuju **Peringatan Jimat Air** adalah seperti mana di **Lampiran 2**.

Makluman

13. Format Standard Pegawai Bertanggungjawab

Mesyuarat bersetuju **Standard Pegawai Bertanggungjawab** adalah seperti mana di **Lampiran 2**.

Makluman

14. Format Standard Tagging Tray

Mesyuarat bersetuju **Standard Tagging Tray** adalah seperti mana di **Lampiran 2**.

Makluman

IV. HAL-HAL LAIN

15. Penggunaan Standard

15.1 Dr. Nora memaklumkan bahawa penggunaan standard perlu diedarkan segera kerana didapati terdapat ahli zon yang telah mengguna pakai standard sendiri. Pengerusi memaklumkan bahawa dalam mesyuarat Induk yang lepas telah dimaklumkan kepada **semua zon bahawa mereka perlu hanya membuat aktiviti sisih, susun dan sapu dahulu sehingga Jawatankuasa Standard mengeluarkan standard bagi Jabatan.**

Makluman

15.2 Mesyuarat mencadangkan **agar Jawatankuasa Induk memberikan mandat kepada Jawatankuasa Standard untuk mengeluarkan standard EKSA JTM tanpa perlu bentang dalam Mesyuarat Induk.** Perkara ini akan diusulkan dalam mesyuarat Induk EKSA yang akan datang.

Tindakan: Pengerusi

IV. PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari dan mesyuarat akan datang akan dilaksanakan pada 24 Ogos 2022 (Rabu).

Disediakan oleh:

Muhammad Farhan bin Hamid
Setiausaha
Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA JTM

Disemak oleh:

Hjh. Noor Lisa Rahmat
Pengerusi
Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA JTM